



**MESYUARAT JAWATANKUASA AKADEMIK PENGAJIAN SISWAZAH UNIVERSITI (JAPSU)
BIL 10/ 2017/2018**

TARIKH : **26 JUN 2018**
MASA : **2:30 PETANG**
TEMPAT : **i) BILIK MESYUARAT 3, ARAS 3 SPS, UTM JB**
ii) BILIK MESYUARAT SPSKL, TINGKAT 8, MENARA RAZAK, UTM KL

BIL	KEHADIRAN UTM JB	FAKULTI/JABATAN	S/K
1.	Prof. Madya Dr. Noor Hazarina bt Hashim	Sekolah Pengajian Siswazah /Pengerusi	10/10
2.	Prof. Madya Ir. Dr. Zaini bin Ahmad	Fakulti Kejuruteraan Mekanikal	10/10
3.	Prof. Ir. Dr. Mohd Wazir bin Mustafa	Fakulti Kejuruteraan Elektrik	4/10
4.	Prof. Madya Dr. Nasrul Humaimi Bin Mahmood	Fakulti Kejuruteraan Elektrik	2/2
5.	Prof. Madya Dr. Sharidan bin Shafie	Fakulti Sains	8/10
6.	Dr. Hasnah bt Mohamed	Fakulti Pendidikan	10/10
7.	Prof. Madya Dr. Razali Bin Abdul Hamid	Fakulti Alam Bina	3/10
8.	Dr. Zuhaili bin Mohamad Ramly	Fakulti Alam Bina	7/10
9.	Dr. Suresh A/L Ramakrishnan	Fakulti Pengurusan	5/10
10.	Prof. Madya Dr Muhammad bin A. Manan	Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Kejuruteraan Tenaga	5/5
11.	Dr. Radziah bt Mohamad	Fakulti Komputeran	10/10
12.	Dr. Aminudin bin Hehsan	Fakulti Tamadun Islam	4/10
13.	Prof. Madya Dr. Nazri bin Ali	Sekolah Pengajian Siswazah	10/10
14.	Pn. Nur Hakimi bt Karsono	Sekolah Pengajian Siswazah	10/10

BIL	KEHADIRAN UTM KL	FAKULTI/JABATAN	S/K
1.	Dr. Sa'ardin bin Abdul Aziz	UTM Razak School	9/9
2.	Prof. Madya Dr. Mohd Shahidan bin Abdullah	UTM AIS	7/10

BIL	TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)	FAKULTI/JABATAN	S/K
1.	Prof. Dr. Zaidatun bt Tasir	Sekolah Pengajian Siswazah/ Pengerusi (Cuti Sabatikal)	8/9
2.	Prof. Dr. Ahmad Baharuddin bin Abd. Rahman	Fakulti Kejuruteraan Awam	0/9
3.	Dr. Mohamad Hidayat Bin Jamal	Fakulti Kejuruteraan Awam	6/9
4.	Prof. Madya Dr. Kahar bin Osman	Fakulti Biosains dan Kejuruteraan Perubatan	2/9

5.	Prof. Madya Dr. Azli bin Yahya	Fakulti Biosains dan Kejuruteraan Perubatan	0/9
6.	Prof. Dr. Izman bin Sudin	Fakulti Kejuruteraan Mekanikal	5/9
7.	Prof. Dr. Mohd Nor bin Mohamad	Fakulti Sains	5/9
8.	Prof. Madya Dr. Muhammad Nadzir bin Marsono	Fakulti Kejuruteraan Elektrik	5/9
9.	Prof. Madya Dr. Baharin bin Ahmad	Fakulti Geoinformasi dan Harta Tanah	6/8
10.	Prof. Madya Dr. Anuar bin Ahmad	Fakulti Geoinformasi dan Harta Tanah	5/9
11.	Prof. Madya Dr. Dayang Norhayati bte Abang Jawawi	Fakulti Komputeran	5/9
12.	Prof. Madya Dr. Azlina bt. Mohd Kosnin	Fakulti Pendidikan	7/9
13.	Prof. Madya Dr. Siti Aisyah bt Panatik	Fakulti Pengurusan	3/9
14.	Prof. Madya Dr. Aznizam bin Abu Bakar	Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Kejuruteraan Tenaga	3/9
15.	Dr. Mohd Nasir bin Ripin	Fakulti Tamadun Islam	8/9
16.	Prof. Madya Dr. Faizah bt Mohamad Nor	Akademi Bahasa	8/9
17.	Prof. Madya Dr. Siti Zaleha bt Abd. Rasid	Sekolah Perniagaan Antarabangsa Azman Hashim	7/9
18.	Dr. Nomahaza bt Mahadi	Sekolah Perniagaan Antarabangsa Azman Hashim	6/9
19.	Prof. Madya Dr. Khairur Rijal bin Jamaludin	UTM Razak	3/9
20.	Dr. Ooi Chia Yee	UTM MJIIT	5/9
21.	Prof. Zamri bin Mohamed	Perdana School	0/9
22.	Prof. Madya Dr. Zainal Abidin Bin Zainuddin	SRAD	3/9
23.	Prof. Madya Dr. Astuty bt Amrin	SPS	9/9
24.	Dr. Siti Sophiayati bt Yuhaniz	SPS	2/3

BIL	TURUT HADIR	FAKULTI/JABATAN
1.	Dr. Shadiya Mohamed Saleh Ba Qutayan	UTM Perdana School
2.	Dr. Mohamad Sukri bin Mat Ali	MJIIT
3.	Dr. Nor Azwadi bin Che Sidik	MJIIT
4.	Dr. Rasimah bt Che Mohd Yusoff	UTM AIS
5.	Dr. Rohaida bt Basiruddin	AHIBS
6.	Nazimah bt Hussin	AHIBS
7.	Pn. Hjh. Nor Azlinda bt Abu Bakar	AMD
8.	Pn. Intan Shahnaz bt Zulkifli	AMD
9.	Cik Khairani bt Ibrahim	ARO
10.	Pn. Najwa bt Mohamed	SRAD
11.	Cik Radiatul Hadaviyah bt Ramlan	SPS
12.	Pn. Farhana binti Ayub	Urusetia
13.	Pn. Masliana bt Khalid	Urusetia
14.	Pn. Huzaimah bt Yahya	Urusetia
15.	Pn. Noraliza bt Tasiran	Urusetia

1.0 ALUAN PENERUS

Penerus mengucapkan terima kasih kepada ahli mesyuarat yang hadir. Ini merupakan mesyuarat JAPSU terakhir bagi TD/PGAM fakulti setelah perubahan struktur Synergy 4.0. Setakat ini, masih belum diputuskan siapa yang akan menjadi ahli mesyuarat JAPSU selepas proses penggabungan fakulti. Penerus turut mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada semua ahli yang hadir.

1.1 Penyaluran Yuran Viva

Penerus memaklumkan kepada semua pentadbir fakulti berkaitan emel yang dikeluarkan oleh Pegawai Kewangan SPS pada 12 Jun 2018. Untuk makluman, Yuran viva dari Jan - April 2018 telah dipindahkan ke fakulti. Semakan boleh dibuat selepas sistem UTMFIN dibuka iaitu pada 1 Julai 2018.

Makluman: Semua

1.2 Pelarasan Pelajar Generik Sinergi 4.0

Penerus memaklumkan dengan pelarasan Synergy 4.0 semua pelajar di bawah SPS akan diletakkan di bawah fakulti/sekolah yang berkenaan. Pecahan pembahagian pelajar Generik adalah seperti berikut :

PhD Generik – 64 pelajar

MSc Generik – 43 pelajar

Eng.Edu – 26 pelajar

Jumlah pelajar Generik adalah seramai 133 orang.

Makluman : Semua

1.3 Pengisian APAR & APAER oleh QRIM

Penerus juga memaklumkan bahawa terdapat perubahan format di dalam borang APAR & APAER yang disediakan oleh pihak QRIM. Sehubungan dengan itu, pihak QRIM akan membuat satu bengkel berkaitan perkara ini pada tarikh yang akan diberitahu.

Walaupun bagaimanapun Penerus memohon agar semua fakulti bersedia dengan pengisian borang APAR & APAER.

Makluman : Semua

1.4 Statistik Pelaporan Bil Pelajar Mengikut Tempoh NHT Ke Tarikh VIVA

Mesyuarat dimaklumkan berkenaan hasil analisis SPS berkenaan tempoh masa pengurusan NHT ke VIVA. Untuk makluman seramai 8 orang pelajar yang telah menghantar NHT pada tahun 2017 tetapi masih belum VIVA. Sehubungan itu Penerus meminta agar pihak fakulti memainkan peranan penting dalam memastikan tempoh NHT ke VIVA tidak melebihi 3 bulan.

Tindakan : Semua fakulti

1.5 Faktor Tidak GOT/ Graduan

Penerus memaklumkan bahawa di dalam mesyuarat JAPSU sebelum ini, pembentangan Penerus memaklumkan jumlah statistik graduan yang

dilaporkan sebelum ini, adalah rendah. Sehubungan itu satu analisis telah dibuat dan didapati ada kekurangan dalam pelaksanaan pengurusan VIVA.

Untuk makluman, mesyuarat turut ditekankan berkenaan isu seramai 78 orang pelajar yang masih belum VIVA sehingga Jun 2018. Sehubungan itu, Pengerusi meminta fakulti untuk memantau perkara ini bagi memastikan pengurusan VIVA berjalan dengan lancar supaya bilangan graduan dapat ditingkatkan.

Makluman : Semua

1.6 Perangkaan Graduan GOT

Perangkaan graduan GOT yang dicapai sehingga Jun 2018 adalah seramai 297 orang.

Makluman : Semua

1.7 Sasaran graduan PhD 2018

Sasaran graduan PhD bagi tahun 2018 ini adalah seramai 817 orang.

Makluman : Semua

1.8 Perangkaan graduan sarjana

Pengerusi menekankan isu GOT bagi graduan Sarjana sehingga Jun 2018 sangat rendah iaitu hanya sebanyak 7.4% sahaja.

Makluman: Semua

1.9 Perangkaan Graduan Phd Mengikut Keputusan Peperiksaan Lisan Jan-Jun 2018

Pengerusi memaklumkan melalui perangkaan graduan PhD didapat ramai graduan yang memperolehi keputusan B2 iaitu seramai 287.

Makluman: Semua

1.10 Biasiswa IDF

SPS telah menghantar semua data permohonan biasiswa yang berjaya ke Pejabat Bendahari untuk proses pelarasan seterusnya di dalam rekod pelajar. Jumlah penerima biasiswa IDF kali ini adalah seramai 151 pelajar. Selain itu, terdapat beberapa isu di dalam permohonan biasiswa tersebut antaranya ada pelajar yang bermasalah dalam menggunakan sistem di mana mereka telah memohon tetapi tiada rekod di dalam sistem. Selain itu, kebanyakan pelajar yang memohon tidak memuatnaik dokumen sokongan dan mengakibatkan permohonan mereka gagal.

Terdapat juga isu penipuan di mana pelajar mengambil *screenshot* pelajar lain yang menerima IDF dan mendakwa mereka antara yang Berjaya mendapatkan biasiswa. Turut diketengahkan isu pelajar yang menerima tawaran tetapi tidak mengembalikan semula borang penerimaan di dalam jangka masa yang ditetapkan.

Makluman: Semua

1.11 Pelajar Zamalah

Pengerusi mengingatkan kepada semua penyelia bahawa terdapat laporan dari ibu bapa yang menyatakan anak mereka pelajar Zamalah telah diminta untuk mengajar dan menanda kertas peperiksaan penyeliannya.

Pengerusi menegaskan hal ini sama sekali tidak dibenarkan kerana ia telah melanggar etika sebagai pensyarah. Turut diingatkan bahawa penyelia yang menandatangani borang kontrak Zamalah, seharusnya mengetahui bahawa pelajar hanya dibenarkan bekerja selama 8 jam dan terhad kepada tutorial, lab, studio atau lapangan tetapi bukan untuk pengajaran.

Tindakan : Semua Penyelia

2.0 MELULUSKAN MINIT MESYUARAT JAPSU BIL 9/2017/2018

Minit Mesyuarat JAPSU bil 9/2017/2018 diluluskan dengan pembetulan seperti berikut:

- 2.1 Kehadiran : Prof. Madya Ir. Dr Zaini bin Ahmad 9/9
- 2.2 Pembetulan ejaan perkara 1.4 : Perangkaan

Makluman: Semua

3.0 PERKARA BERBANGKIT

3.1 Pindaan Borang Minit Bebas JAPSU

- 1.12 Pengerusi memaklumkan masih ada fakulti menggunakan borang lama dan memohon fakulti mengambil tindakan untuk menggunakan borang baharu untuk mesyuarat seterusnya.

Tindakan : Semua Fakulti

4.0 LAPORAN BAHAGIAN PENGURUSAN AKADEMIK (AMD)

4.1 Pembentangan Markah Semester II 20172018

AMD memaklumkan bahawa pembentangan markah bagi keputusan Semester II 20172018 adalah pada 9 dan 10 Julai 2018. Oleh kerana penggabungan fakulti Synergi 4.0, mesyuarat tersebut akan menjemput kedua-dua mantan dekan dan Dekan baharu bagi setiap fakulti.

Pembentangan markah masih lagi mengikut amalan lama dan dan segala perubahan berkaitan Synergi 4.0 akan dilaksanakan pada semester akan datang. Perkara ini juga telah dimaklumkan di dalam group whatsapp TP fakulti yang sedia ada.

Prof. Madya Ir. Dr. Zaini bin Ahmad meminta pengesahan penggunaan 'template' pembentangan markah pada 9 dan 10 Julai 2018. AMD memaklumkan masih menggunakan template yang lama sehingga diberitahu kelak.

Makluman : Semua

4.2 Format *Business Intelligent*

AMD telah memaklumkan kepada CICT bagi penggunaan format Business Intelligent (BI) yang mana ianya boleh dicapai melalui UTMAcad. Walaubagaimanapun aplikasi BI ini akan menarik 'live data' hasil dari pembentangan JKA di fakulti.

Sehubungan itu, semua fakulti boleh melihat data ini dan fakulti boleh 'print screen' paparan graf ini untuk dimasukkan ke dalam 'powerpoint'. Walaubagaimanapun 'Live data' hanya digunakan sebagai paparan sahaja.

Makluman : Semua

5.0 LAPORAN BAHAGIAN REKRUTMEN & PENGAMBILAN MAHASISWA (SRAD)

- 5.1 SRAD telah membentangkan kertas kerja berkenaan kod aktif khas baharu 'remote supervision' yang mana akan diwakili oleh huruf 'R'. SRAD juga memaklumkan bahawa pihak mereka telah menerima beberapa permohonan pelajar utk meyambung MSc dan PhD secara 'remote'.

Untuk makluman, penggunaan pengenalan kod baru 'remote supervision' ini akan memudahkan pelaksanaan kursus di luar kampus samada di dalam atau luar negara sepanjang tempoh pembelajaran pelajar di UTM.

Makluman : Semua

- 5.2 Pengerusi meminta agar pihak SRAD memperbaiki serta menambah justifikasi serta perbandingan pemakaian kod untuk pelajar 'remote' ini di UA lain.

Tindakan : SRAD

- 5.3 Mesyuarat juga dimaklumkan, fakulti perlu mengisi borang yang akan disediakan dan perlu diluluskan terlebih dahulu sebelum pelajar didaftar di bawah kod aktif R.

Makluman : Semua

6.0 PERAKUAN PERLANTIKAN PEMERIKSA TESIS PELAJAR DOKTOR FALSAFAH

6.1 KEJURUTERAAN

Mesyuarat meneliti serta memperakukan pelantikan pemeriksa tesis pelajar Doktor Falsafah bidang Kejuruteraan iaitu seramai 24 orang pelajar.

Makluman : Semua

6.2 SAINS DAN TEKNOLOGI

Mesyuarat meneliti serta memperakukan pelantikan pemeriksa tesis pelajar Doktor Falsafah bidang Sains Dan Teknologi iaitu seramai 17 orang pelajar.

Makluman : Semua

6.3 SAINS SOSIAL

Mesyuarat meneliti serta memperakukan pelantikan pemeriksa tesis pelajar Doktor Falsafah bidang Sains Sosial iaitu seramai 16 orang pelajar.

Makluman : Semua

6.4 Pelantikan Konsortium

Pengerusi meminta urusetia menyemak pelantikan Prof. Dr. Muhamad Zameri Bin Mat Saman, Fakulti Kejuruteraan Mekanikal sama ada beliau telah dilantik sebagai Ahli Konsortium atau tidak.

Tindakan : Urusetia SPS

7.0 PERAKUAN PERLANTIKAN PEMERIKSA TESIS PELAJAR SARJANA

7.1 KEJURUTERAAN

Mesyuarat meneliti serta memperakukan pelantikan pemeriksa tesis pelajar Sarjana bidang Kejuruteraan iaitu seramai 21 orang pelajar.

Makluman : Semua

7.2 SAINS DAN TEKNOLOGI

Mesyuarat meneliti serta memperakukan pelantikan pemeriksa tesis pelajar Sarjana bidang Sains Dan Teknologi iaitu seramai 7 orang pelajar.

Makluman : Semua

7.3 SAINS SOSIAL

Mesyuarat meneliti serta memperakukan pelantikan pemeriksa tesis pelajar Sarjana bidang Sains Sosial iaitu seramai 4 orang pelajar.

Makluman : Semua

8.0 PERMOHONAN PELANJUTAN NOTIS HANTAR TESIS

Mesyuarat meluluskan permohonan Lanjut Hantar Notis seperti berikut:

- 8.1 CHEW WEI CHUANG (PG113018) sehingga 21/5/2019**
- 8.2 ANTHONY GOJI TUMBA (PG123066) sehingga 25/4/2019**
- 8.3 NORDALIA BINTI MUSTAFA (MGH143021) sehingga 19/6/2019**
- 8.4 SHAZWANI BINTI MOHD SHAH (MGH143022) sehingga 21/5/2019**
- 8.5 JAMILAH BINTI MAHMOOD (PC133017) sehingga 19/6/2019**
- 8.6 MUHAMMAD ALIIF BIN AHMAD (PC133034) sehingga 20/6/2019**
- 8.7 SEYED AHMAD SOLEYMANI (PC113127) sehingga 20/6/2019**
- 8.8 FARHAN MASUD (PCS143032) sehingga 20/6/2019**
- 8.9 IZZUL BIN RAMLI (PA123081) sehingga 20/6/2019**
- 8.10 REZA AGHLARA (PA103106) sehingga 20/6/2019**
- 8.11 MAS IDAYU BINTI SAIDI (PH113068) sehingga 21/5/2019**
- 8.12 HISHAN SHANKER SANIL (PH133049) sehingga 20/6/2019**
- 8.13 SALMALINA BINTI SALLEH (PH123064) sehingga**
- 8.14 ATEF SALEM MEFTAH SOUF ALJEN (PM133008) sehingga 20/6/2019**
- 8.15 ABBAS BIN ISMAIL (PK113156) sehingga 22/5/2019**
- 8.16 NORSUHADA BINTI ABDUL KARIM (PK133028) sehingga 27/3/2019**
- 8.17 NUR ZATUL IRADAH BINTI ROSLAN (PK103032) sehingga 24/1/2019**
- 8.18 MOHAMAD NORISHAM BIN MOHAMAD ROSDI (PK133002) sehingga 26/4/2019**
- 8.19 NUR IZIEADIANA ABIDIN (PA133055) sehingga 26/3/2019**

Makluman : Semua

9.0 PERMOHONAN PELANJUTAN NOTIS HANTAR TESIS DAN PELANTIKAN PANEL BAHARU

Mesyuarat meluluskan permohonan Lanjut Hantar Notis dan Pelantikan Panel Baharu seperti berikut:

- 9.1 AINUL HAEZAH BINTI NORUZMAN (PA103042) sehingga 23/11/2018**
- 9.2 MOHD FATHURRAHMAN BIN KAMARUDIN (MKM143012) sehingga 26/9/2019**
- 9.3 NUZULAN NAIM BIN ZULKIPLI (MKE153025) sehingga 22/5/2019**
- 9.4 ROSLIANA BINTI RUSLI (PS133062) sehingga 25/6/2019**
- 9.5 NASUHA BINTI SALEHHON (MSC153005) sehingga 28/12/2018**
- 9.6 HAMED GANJBAKHS (PA103097) sehingga 25/1/2019**
- 9.7 WAMDA ABDELRAHMAN ELHAG NAGMELDIN (PC103014) sehingga 31/8/2018**

Makluman : Semua

10.0 PERMOHONAN PELANTIKAN PANEL PEMERIKSA BAHARU

Mesyuarat meluluskan permohonan Pelantikan Panel Pemeriksa Baharu seperti berikut:

- 10.1 AIDA BINTI DEN (MJ133044)**

Makluman : Semua

11.0 PERMOHONAN PELANJUTAN TEMPOH PEMBETULAN TESIS

Mesyuarat meluluskan permohonan Pelanjutan Tempoh Pembetulan seperti berikut:

- 11.1 ARMAI BINTI MOHAMED (PG123026) sehingga 19/7/2018**
- 11.2 EFI AFRIZAL (PM113090) sehingga 14/9/2018**
- 11.3 ASMAWI BIN ABDUL MALIK (PM103104) sehingga 19/9/2018**
- 11.4 SEYED JAMAL EBRAHIMI (PP113032) sehingga 27/8/2018**
- 11.5 NAJIHA BINTI MOHD SAIMI (MPP143004) sehingga 27/8/2018**

12.0 PERMOHONAN PENGECCUALIAN/PENGURANGAN YURAN

Mesyuarat meluluskan permohonan pengecualian yuran staf seperti berikut:

12.1 PENGECCUALIAN YURAN BAGI PERINGKAT DOKTOR FALSAFAH

Rafizah Binti Musa PRS173014

Makluman : Semua

12.2 PENGECCUALIAN YURAN BAGI PERINGKAT SARJANA FALSAFAH

- 12.2.1 Mohamad Fahiezan Bin Md Zan MPP141059**
- 12.2.2 Norhafisah Binti Zakaria MPP141060**
- 12.2.3 Syazwani Syamimi Binti Mat Pauzi MPP141053**
- 12.2.4 Norashikin Binti Johari MPP141066 diluluskan semester I sahaja.**

Makluman : Semua

12.3 PENGURANGAN YURAN BAGI ANAK/PASANGAN STAF

Mesyuarat turut meluluskan permohonan pengecualian yuran bagi anak/pasangan staf seperti berikut:

Anis Farhan Binti Kamaruzaman PCS143005

Makluman : Semua

13.0 HAL-HAL LAIN

13.1 Format Tesis Baharu

Pengerusi memaklumkan bahawa format *binding* tesis telah diluluskan oleh Mesyuarat JKTS (DEA) dan akan dibentang di dalam Mesyuarat Senat pada 27 Julai 2018.

Makluman: Semua

Satu pekeliling akan dikeluarkan untuk memaklumkan perubahan ini. '*Format binding*' tesis yang baharu ini berkuatkuasa pada 1 September 2018.

Tindakan : Urusetia SPS

13.2 MyBrain15

Pengerusi memaklumkan bahawa bayaran honorarium akan diberi kepada ahli panel dan pihak SPS telah menghantar borang tuntutan tersebut ke KPM (Pendidikan Tinggi).

Walau bagaimanapun, bagi permohonan pelajar untuk biasiswa MyBrain15, pihak SPS masih lagi belum mendapat sebarang berita dari pihak KPM (Pendidikan Tinggi).

Makluman : Semua

13.3 Pencalonan Penilai Pelajar

Prof. Madya Ir. Dr Zaini bin Ahmad memaklumkan bahawa bagi pelantikan penilai luar dan dalam akan dihantar melalui emel untuk jawapan samada menerima pelantikan atau tidak.

Walaupun bagaimanapun mesyuarat dimaklumkan bagi penilai yang telah menekan butang '*decline*' penilai tersebut masih lagi juga diberi surat pelantikan.

Sehubungan itu adalah dicadangkan agar butang '*accept*' dan '*decline*' dibuang dari sistem tersebut. Pengerusi memaklumkan bahawa fungsi butang tersebut adalah lebih kepada penilai luar. Ini kerana pencalonan serta pelantikan Penilai Dalam adalah wajib diterima oleh Penilai yang mana nama penilai berkenaan dicadangkan oleh fakulti

Sehubungan dengan itu, penilai dalam tidak dibenarkan untuk menolak kecuali mempunyai alasan-alasan kesihatan atau yang boleh diterima.

Pengerusi mengambil maklum akan perkara ini dan akan menyemak kembali bersama Unit IT.

Tindakan : Unit IT, SPS

13.4 Penambahbaikan Sistem GSMS

Prof. Madya Ir. Dr. Zaini bin Ahmad mencadangkan agar menambahbaik sistem GSMS dengan memastikan ruangan 'upload' asbtrak tesis bagi proses memohon NHT dikemaskini yang mana permohonan tidak boleh dihantar selagi abstrak tidak dimuatnaik.

Cadangan ini bagi memudahkan penilai untuk membuat semakan abstrak dan sekaligus memastikan abstrak itu dimuatnaik sebagai lampiran.

Fakulti juga meminta kebenaran untuk menambah/membaiki tajuk pelajar sendiri tanpa perlu meminta bantuan dari pihak SPS. Pengerusi akan memaklumkan kepada pihak IT SPS berkaitan perkara ini.

Tindakan : Unit Pentadbiran & Kualiti Akademik, SPS

14.0 PENUTUP

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 4.50 petang dengan Tasbih Kifarah dan Surah Al-Asr.

Disediakan oleh:

**PUAN NORALIZA
BT TASIRAN**

Setiausaha

Sekolah Pengajian
Siswazah

Semakan Pertama:

**PN. FARHANA BT
AYUB**

Penolong Pendaftar
Bahagian Pengurusan
Akademik & Kualiti

Sekolah Pengajian
Siswazah

Disemak Kedua:

**PN. NUR HAKIMI BT
KARSONO**

Pemangku Timbalan
Pendaftar

Sekolah Pengajian
Siswazah